

Warga Pendidikan Labuan Raikan Hari Wilayah Persekutuan



Semua warga pendidikan Labuan telah menunjukkan tanda prihatin dengan menyertai kempen kibar bendera Wilayah Persekutuan sempena sambutan hari Wilayah Persekutuan Tahun 2021 sepanjang bulan Februari.

Dengan tema "**Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin**", warga pendidikan telah disaran memeriahkan suasana dengan menyalakan lampu bagi mewujudkan suasana 'perayaan' dan mengibarkan bendera wilayah di bangunan-bangunan milik Kementerian Pendidikan Malaysia di pulau ini.



SOLIDARITI : Bangunan Sektor Pembelajaran di Bukut Kalam turut bermandikan cahaya.



INDAH : Suasana bergemerlapan menghiasi pintu pagar SK Bukit Kalam.

Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid (SPM), Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad yang juga penyelaras program ini, berkata semua sekolah telah menunjukkan solidariti terhadap sambutan hari wilayah dengan mengibarkan bendera di setiap sekolah masing-masing.

“Kita mengetengahkan konsep pencahayaan untuk menimbulkan rasa keterujaan terhadap sambutan tahun ini walaupun bukan dalam bentuk pertandingan. Usaha pihak sekolah ini merupakan langkah tepat dalam menyemai

semangat patriotik dalam kalangan murid-murid sesuai dengan imej institusi pendidikan” katanya lagi.



KREATIF : Kolej Vokasional turut memasang hiasan lampu bagi menyemarakkan sambutan.

Pusat Ko-Kurikulum Negeri, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan telah dijadikan pusat sambutan bagi warga pendidikan. Selain itu semua sekolah rendah dan menengah, Bangunan Ibu Pejabat, bangunan SSTP, bangunan Sektor Pengurusan Maklumat ICT dan bangunan Sektor Pembelajaran di Bukit Kalam turut bersama-sama meriahkan sambutan dengan mengibarkan bendera di lokasi-lokasi strategik.

Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Puan Khaziyati Osman turut merasa bangga dan menzahirkan ucapan terima kasih atas kebersamaan yang telah ditunjukkan oleh warga pendidikan semua peringkat dalam menjayakan kempen kibarkan bendera Wilayah Persekutuan tahun ini.

“Kita sebagai warga pendidik perlu sentiasa berada di hadapan dalam mendidik murid dan ahli masyarakat dalam menyemai rasa kecintaan terhadap negara. Sambutan masih boleh diteruskan dengan pematuhan rapi segala prosedur operasi standard (SOP) sesuai dengan norma baharu” ujar

beliau lagi.

Berita Oleh : Sektor Perancangan



MERIAH : Bangunan ibu pejabat juga tidak ketinggalan bagi meraikan kemeriahian sambutan.